

24/07/1998

Pembangunan simpang bertingkat diberi tumpuan

MELAKA, Khamis - Kerajaan negeri memberi tumpuan kepada pembinaan persimpangan bertingkat lebuh raya Utara-Selatan bernilai kira-kira RM40 juta di Lipat Kajang, Merlimau dekat sini, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Katanya, projek itu akan menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan sekitar seluas kira-kira 2,800 hektar yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

"Kerajaan Negeri akan berusaha meminta Kementerian Kewangan supaya projek ini dapat dilaksanakan segera," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco di pejabatnya di sini, hari ini.

Pada 1 Julai lalu, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Kerjaraya Negeri, Datuk Yasin Mohd Sarif, berkata persimpangan bertingkat Lipat Kajang antara projek yang ditangguhkan oleh Kerajaan Persekutuan apabila negara mula dilanda kegawatan ekonomi.

Bagaimanapun, katanya, Kerajaan Persekutuan menarik balik penangguhan itu selepas menimbangkan rayuan kerajaan negeri yang memberi alasan projek terbabit sudah lama dirancangkan dengan kerja awal sudah pun dilaksanakan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan melaksanakan projek prasarana secara besar-besaran bagi mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan menggerakkan industri lain.

Katanya, pendekatan itu adalah salah satu daripada keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara kerana projek berkenaan, termasuk yang membabitkan sektor pembinaan boleh memberi faedah kepada 140 industri lain.

Abu Zahar berkata, persimpangan bertingkat Lipat Kajang itu antara projek infrastruktur yang diberikan tumpuan oleh kerajaan negeri dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Katanya, projek infrastruktur lain, termasuk cadangan pembinaan lebuh raya pesisir pantai.

(END)